



Gambar tiga bekas ahli Majlis Tertinggi UMNO Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Dr. Shafie Salleh dan Datuk Seri Azmi Khalid. Gambar ini menunjukkan mereka terkejut apabila menerima keputusan bahawa mereka gagal mempertahankan kerusi mereka dalam Majlis Tertinggi UMNO pada pemilihan yang lalu.

Rombakan Kabinet : SIAPA YANG GUGUR DAN SIAPA YANG BAKAL DILANTIK?

OLEH:
PEMERHATI POLITIK

RAMAI yang berpendapat bahawa sudah sampai masanya bagi Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengadakan perantukan menteri-menteri dan timbalan menteri dan menggugurkan mana-mana menteri yang tidak efektif atau lemah. Walau bagaimanapun, Abdullah dikatakan masih belum mendapat ilham untuk melakukan apa-apa perubahan di masa yang terdekat ini.

Dalam pada itu setiap kali isu rombakan kabinet dibincangkan sudah pasti ditimbulkan tiga nama menteri yang dikatakan tidak akan terpih atau digugurkan langsung. Mereka ini ialah Menteri Pelajaran Tinggi; Datuk Dr. Shafie Salleh, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Datuk Seri Azmi Khalid dan Menteri Penerangan; Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir. Ini berdasarkan kononnya kepada kegagalan mereka mempertahankan kerusi Majlis Tertinggi pada pemilihan pucuk pimpinna yang lalu.

TANGGUNGJAWAB

Tetapi ramai yang mempersoalkan alasan seperti itu dan tidak mahu menerimanya. Menurut mereka, ketiga-tiga bekas ahli MKT itu patut dikekalkan kerana mereka dilihat telah menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka dengan baik dan memuaskan.

Mereka juga taat kepada UMNO dan pucuk pimpinan parti. Tidak adil jika mereka digugur

kan hanya disebabkan tidak memenangi kerusi MKT walhal mereka masih mampu dan berdaya untuk menyumbang tenaga dan buah fikiran.

Lagipun yang penting, mereka kalah adalah disebabkan mereka tidak *'bermain duit'* seperti kebanyakan yang berlaku. Justeru, haruskah mereka bertiga ini di hukum di atas kegagalan mereka kerana tidak mahu terlibat dengan rasuah politik?

Kadir umpamanya telah membawa kejayaan besar ketika menjadi Menteri di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan apabila pindah ke Kementerian Penerangan beliau terus bekerja kuat dan membawa beberapa pembaharuan kepada Kementerian tersebut jika dibandingkan kepada menteri yang menjerajunya sebelum ini.

Begitu juga yang dilakukan oleh Shafie Salleh dan Azmi Khalid, sungguhpun mereka tidak diberi portfolio yang penting sebelum ini. Seperti kata Pak Lah, beliau tidak akan mengambil kira di atas kekalahan sesiapa dalam pertandingan Majlis Tertinggi tetapi prestasi mereka menjalankan tugas dalam Kementerian masing-masing yang telah diamanahkan adalah lebih utama.

Sudah tentunya Pak Lah melihat kepada semua fakta-fakta ini apabila membuat perantikan kabinet yang baru nanti dan akan berlaku adil kepada yang telah juga menunjukkan kesetiaan kepada parti dan pemimpin selain prestasi mereka yang memuaskan.